

(19 Disember 2020) KASIMO, P. 4

# PKPB di Kuala Lumpur, Selangor dan Sabah dilanjutkan

**PETALING JAYA** – Pelaksanaan perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi Kuala Lumpur, Selangor dan Sabah serta beberapa lokaliti lain dilanjutkan sehingga 31 Disember depan.

Lokaliti di negeri lain yang turut dilanjutkan PKPB bagi tempoh sama di Mukim 12 Barat Daya dan Mukim 13 Timur Laut di Pulau Pinang; Ipoh dan Chemor (Perak); Seremban dan Port Dickson (Negeri Sembilan) serta Johor Bahru, Batu Pahat dan Kulai (Johor).

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, di Selangor, kerajaan bersetuju melanjutkan PKPB di seluruh negeri kecuali di Sabak Bernam, Hulu Selangor dan Kuala Selangor.

"Kerajaan turut bersetuju menamatkan PKPB di daerah Kulim melibatkan Mukim Kulim, Lunas dan Sungai Seluang di Kedah; Mukim Kubang Kerian dan Kusal (Kelantan) dan Kota Tinggi (Johor)," katanya.

Beliau berkata, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Persiaran Paya Terubong Relau dan Flat Desa Bistari Blok A dan B, Batu Uban, George Town di Pulau Pinang dilanjutkan sehingga 31 Disember.



**PELAKSANAAN PKPB di Sabah dilanjutkan seperti di Kuala Lumpur dan Selangor sehingga 31 Disember ini.** – FAUZAN AZIMA

"Turut dilanjutkan, Depoh Tahanan Imigresen Langkap serta kuarters di Hilir Perak, Perak dan Penjara Seremban serta kuarters di Negeri Sembilan.

"Kerajaan juga akan melaksanakan PKPD di Penjara Kluang dan kuarters bermula esok (hari ini) sehingga 31 Disember depan berikutan peningkatan kes positif dalam kalangan tahanan dan kakitangan," ujarinya.

Katanya, pelaksanaan itu

melibatkan 3,224 tahanan dan 553 kakitangan penjara.

Sementara itu, katanya, kerajaan menamatkan PKPD di Madrasah Ad-Diniah Al Falahiah di Pasir Puteh hari ini.

"PKPD di Mukim Sungai Seluang, Kedah dan asrama pekerja kilang Yamaha di Perak yang dijadualkan tamat pada 24 Disember ini turut ditamatkan lebih awal pada esok (hari ini)," ujarinya.